



**MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 2**  
**MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 2**  
**MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 2**

Friday 18 May 2001 (morning)

Vendredi 18 mai 2001 (matin)

Viernes 18 de mayo de 2001 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. Substantial references to a Part 2 work of the same genre are permissible but only in addition to the minimum of two Part 3 works. References to other works are permissible but must not form the main body of your answer.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- Ne pas ouvrir cette épreuve avant d'y être autorisé.
- Traiter un sujet de composition. La composition doit être basée sur au moins deux des œuvres étudiées dans la troisième partie du cours. La composition peut comporter des références importantes à une œuvre du même genre étudiée dans la seconde partie, mais uniquement en plus des deux œuvres de la troisième partie. Les références à d'autres œuvres sont permises mais ne doivent pas constituer l'essentiel de la réponse.

**INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta debe basarse en al menos dos de las obras estudiadas para la Parte 3. Se podrán hacer referencias importantes a una obra de la Parte 2 del mismo género pero solamente como complemento a las dos obras de la Parte 3. Se permiten referencias a otras obras siempre que no formen la parte principal de la respuesta.

Tuliskan satu eseai mengenai **satu** daripada perkara-perkara berikut. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam Bahagian 3. Rujukan mendalam kepada satu karya dari jenis yang sama dalam Bahagian 2 adalah dibenarkan tetapi hanyalah sebagai tambahan kepada sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3. Rujukan kepada karya-karya lain adalah dibenarkan tetapi tidak boleh menjadi bahagian utama jawapan anda.

### Cerpen

**1. Sama ada**

- (a) Huraikan pemaparan watak dan peranan watak-watak yang sering disebut sebagai “sampingan” dalam cerpen-cerpen yang telah anda baca.

Atau

- (b) Salah satu teknik penulisan yang dilakukan oleh beberapa penulis cerpen ialah memasukkan istilah, ungkapan dan cebisan dialog dalam bahasa asing. Sejauh manakah ia memberi kesan tertentu kepada karya tersebut dan apakah kesannya pula kepada pembaca.

### Drama

**2. Sama ada**

- (a) Latar dan suasana boleh menjadi pemusatan kepada sesebuah drama, sedangkan dialog pula memainkan peranan kedua. Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan ini? Bincang dengan merujuk kepada sekurang-kurangnya dua drama yang telah anda kaji.

Atau

- (b) Dalam drama-drama yang telah anda kaji apakah teknik-teknik persembahan yang telah digunakan dan apakah kesan-kesan yang terdapat pada persembahan itu secara menyeluruh?

## Novel

### 3. *Sama ada*

- (a) Menurut seorang penulis, novel selalunya mengandungi sesuatu yang berguna. Sejauh manakah novel-novel yang anda kaji memberikan “sesuatu yang berguna” selain daripada sesuatu yang menarik dan menyukakan anda.

*Atau*

- (b) Untuk memikat minat dan imaginasi pembaca, sesuatu karya harus mempunyai tegangan dan konflik yang silih berganti. Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan itu dengan merujuk kepada sekurang-kurangnya dua daripada novel-novel yang anda kaji.

## Prosa Tradisional

### 4. *Sama ada*

- (a) Sudah menjadi kebiasaan bahawa wira akan mengalahkan petualang dalam karya-karya prosa tradisional. Dengan merujuk kepada dua atau tiga karya prosa tradisional yang anda kaji, bincangkan dua atau tiga cara strategi berbeza yang digunakan oleh wira untuk mengalahkan musuhnya.

*Atau*

- (b) Penyamaran watak sering menjadi perkara menarik dalam cerita-cerita prosa tradisional. Dengan merujuk kepada karya-karya yang telah anda kaji, bincangkan peristiwa-peristiwa penyamaran watak dan kesannya terhadap jalan cerita tersebut.

## Puisi

### 5. *Sama ada*

- (a) Sejauh manakah dan bagaimanakah judul-judul puisi yang anda kaji menjadi petunjuk bagi memahami isu yang menjadi perhatian dan keprihatinan penulis-penulisnya?

*Atau*

- (b) Antara perkara yang membezakan penulis-penulis puisi Melayu ialah gaya penyampaiannya sama ada melalui struktur puisi ataupun pemilihan kata. Dengan merujuk kepada dua orang penulis yang berbeza, bincangkan kenyataan di atas.

**Am**

**6. Sama ada**

- (a) Tidak kira betapa muram atau tegang sesuatu karya itu, sering terdapat tempat-tempat menjadi unsur jenaka. Cuba anda kenalpasti dan bincangkan sumber dan fungsi jenaka dalam sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.

*Atau*

- (b) Gaya naratif seseorang pengarang sering berbeza dengan pengarang yang lain, sehingga ia menjadi semacam identiti kepada seseorang pengarang itu. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan karya-karya daripada dua pengarang yang anda kaji.

*Atau*

- (c) Pemaparan perwatakan dan peranan wanita dalam karya-karya menunjukkan perbezaan sudut pandangan pengarang-pengarang dari periode-periode yang berbeza dalam kesusasteraan Melayu. Dengan merujuk kepada mana-mana dua atau tiga pengarang dari periode yang berbeza, bincangkan kenyataan di atas.

*Atau*

- (d) Sejauh manakah latar belakang sosial, khususnya bagi sesuatu masa silam atau pertempatan terpencil, yang digambarkan dalam sesebuah karya itu memberi kefahaman dan imej yang jelas kepada anda? Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada beberapa karya sama ada berbentuk prosa maupun puisi.
-